

TAHAP KESEDIAAN DAN MOTIVASI GURU PELATIH FIZIK TERHADAP PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21

MOHD HERY WANSYAH BIN BAKRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**TAHAP KESEDIAAN DAN MOTIVASI GURU PELATIH FIZIK TERHADAP
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

MOHD HERY WANSYAH BIN BAKRI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
MOD PENYELIDIKAN**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024

PERAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:

Mohd Hery Wansyah bin Bakri



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah 'Azza wa Jalla Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga baginda serta para sahabatnya r.a. Sesungguhnya rasa syukur tidak terhingga dirafa'kan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat kurnia izin-Nya, saya telah berjaya untuk menyiapkan laporan projek tahun akhir saya dengan baik dan lancar. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Siti Nursaila binti Alias kerana telah banyak membimbing dan memberi bantuan kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Bin Abd Azis, Dr Afiq bin Radzwan, Dr Nurul Syafiqah Yap Abdullah, Profesor Madya Dr. Tho Siew Wei, Cikgu Nor Fadhilah binti Abdullah dan semua pensyarah daripada jabatan Fizik yang terlibat dalam membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Seterusnya, tidak dilupakan kepada permata hati saya yang amat saya kasihi dan sayangi iaitu, Ahmad bin Atan dan Nurbayati binti Satire serta kesemua ahli keluarga saya Nurhidayatul Nabilah, Muhammad Nabil Farhansyah, Ainun Magfirawaty, Verawati, Jamil dan Hasmi yang sentiasa mendoakan, memberi semangat dan menyokong saya tanpa henti. Akhir sekali, terima kasih kepada kawan seperjuangan saya iaitu semua ahli rumah sewa B-2-12 (Hafis, Irwan, Nicholas, Junier, Jason, Azrani), *Tea Time Squad* (Misarah, Farhan, Azizi, Danial, Syihan, Laili, Rose, Junisiah, Iqin) dan semua sahabat – sahabat seperjuangan atas bantuan yang diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Jasa baik kalian, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu untuk membalasnya. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini ingin mengenalpasti tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) serta hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21. Kajian korelasi ini melibatkan 70 orang guru pelatih Fizik UPSI yang dipilih melalui pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian merupakan borang soal selidik (Google Form) yang menggunakan skala Likert empat mata dan seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi (Spearman's Rho) menggunakan perisian Pakej Statistik bagi Sosial Sains (SPSS) untuk mengenalpasti tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21 serta hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21 adalah di tahap yang sederhana dengan nilai $\text{min} = 3.38$ ($s.p = 0.450$). Manakala tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21 berada pada tahap tinggi dengan nilai $\text{min} = 3.54$ ($s.p = 0.348$). Kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik iaitu hubungan sederhana, $RS = 0.551$ dan nilai $p < 0.01$. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan bahawa guru pelatih Fizik harus mengamalkan pedagogi PAK21 supaya matlamat untuk meningkatkan pencapaian pendidikan negara boleh dicapai.

Kata kunci: Kesediaan, Motivasi, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)

THE LEVEL OF READINESS AND MOTIVATION OF TRAINEE PHYSICS TEACHERS TOWARDS IMPLEMENTING 21ST CENTURY LEARNING

ABSTRACT

This study aims to identify the level of readiness and motivation among trainee Physics teachers towards implementing 21st Century Learning (21CL), and the relationship between their readiness level and motivation towards 21CL implementation. This research is a correlational study design involving 70 trainee Physics teachers studying at UPSI, selected through simple random sampling. The research instrument used was a questionnaire (Google Form) employing a 4-point Likert scale, then analyzed descriptively and inferentially (Spearman's Rho) using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to identify the readiness and motivation levels of trainee Physics teachers towards 21CL implementation and the relationship between their readiness and motivation levels. The study findings indicate that the readiness level of trainee Physics teachers towards 21CL implementation is at a moderate level with a mean value is 3.38 (s.d = 0.450). Meanwhile, the motivation level of trainee Physics teachers towards 21CL implementation is high, with a mean value is 3.54 (s.d = 0.348). The study also found a significant relationship between the readiness level and motivation level of trainee Physics teachers, indicating a moderate relationship, $RS = 0.551$, with a p-value of < 0.01 . In conclusion, this study suggests that trainee Physics teachers should adopt 21CL pedagogy to facilitate the smooth progress of efforts to enhance educational quality in the country.

Keywords: Readiness, Motivation, 21st Century Learning (21CL)



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.8.1 Kepentingan Kepada Pihak Universiti	9
1.8.2 Kepentingan Kepada Agensi Kerajaan	9
1.8.3 Kepentingan Kepada Guru Pelatih	9
1.9 Batasan Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	10
1.10.1 Tahap Kesediaan	10



1.10.2 Tahap Motivasi	11
1.10.3 Hubungan Tahap Kesiediaan dan Tahap Motivasi	11
1.11 Rumusan Bab	12
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Isu Dalam Pendidikan Fizik	13
2.3 Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	16
2.4 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	18
2.5 Tahap Kesiediaan dan Motivasi Guru Pelatih	19
2.6 Rumusan Bab	20
BAB 3 METODOLOGI	22
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka bentuk kajian	22
3.3 Populasi dan Sampel	23
3.4 Instrumen Kajian	23
3.5 Kesahan Pakar	24
3.6 Kajian Rintis	26
3.7 Kaedah dan Analisis Data	27
3.8 Proses Pengumpulan Data	30
3.9 Rumusan Bab	30
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	31
4.1 Pengenalan	31
4.2 Analisis Data Maklumat Demografi Responden	31
4.3 Analisis Tahap Kesiediaan dan Motivasi Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	32

4.3.1	Tahap Kesediaan Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	33
4.3.2	Tahap Motivasi Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	37
4.3.3	Hubungan Antara Tahap Kesediaan dan Tahap Motivasi Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	40
4.4	Rumusan Bab	42
BAB 5 PERBINCANGAN		43
5.1	Pendahuluan	43
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	43
5.2.1	Perbincangan Tahap Kesediaan Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	44
5.2.2	Perbincangan Tahap Motivasi Guru Pelatih Fizik Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21	46
5.3	Kesimpulan	48
5.4	Implikasi Kajian	49
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	50
RUJUKAN		51
LAMPIRAN		55

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
Jadual 3.1: Kandungan Instrumen Kajian	24
Jadual 3.2 Pencapaian Kesahan Kandungan	26
Jadual 3.3 Nilai Cronbach's Alpha Pemboleh Ubah Kajian	26
Jadual 3.2: Interpretasi nilai skor min	27
Jadual 3.3: Interpretasi anggaran kekuatan hubungan	28
Jadual 3.4: Skala nilai p	28
Jadual 3.5: Tahap Konsensus Responden	29
Jadual 3.6: Ringkasan untuk analisis data dengan objektif kajian	29
Jadual 4.1 Maklumat Demografi Responden	32
Jadual 4.2 Analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai aspek tahap kesediaan	33
Jadual 4.3 Analisis kekerapan, peratusan min dan sisihan piawai untuk aspek tahap motivasi	37
Jadual 4.4 Pekali korelasi Spearman's Rho	41

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
Rajah 1: Kerangka Konseptual	8
Rajah 2: Carta Alir Pengumpulan Data	30

SENARAI SINGKATAN

PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
21CL	21st Century Learning
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	Pakej Statistik untuk Sains Sosial
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini memberikan penjelasan tentang pernyataan masalah kajian, serta tujuan, objektif, persoalan, hipotesis dan kepentingan dan batasan kajian. Definisi operasi bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini juga diberikan di akhir bab. Di dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan beberapa pernyataan masalah yang dianggap sebagai faktor yang telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian bagi melihat sejauh mana hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Sebelum mengetahui hubungan, tahap kesediaan dan juga tahap motivasi bagi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan PAK21, pengkaji perlu mengetahui terlebih dahulu mengenai tahap kesediaan dan juga tahap motivasi guru pelatih Fizik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pentingnya pemeraksanaan mata pelajaran Fizik di sekolah menengah tidak dapat disangkal. Fizik memainkan peranan penting dalam aliran sains tulen dan membantu murid memahami fenomena alam yang berlaku di sekeliling mereka. Dalam konteks Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, misi untuk menghasilkan generasi pelajar yang seimbang, berdaya saing, dan bersemangat untuk

belajar merupakan matlamat utama. Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), perlu mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperbaiki kurikulum dan pendekatan pengajaran Fizik. Dengan lebih terbuka dan positif terhadap perubahan, KPM dapat memastikan pendidikan negara bergerak ke arah yang lebih positif. Dengan meningkatkan kualiti pengajaran Fizik di sekolah menengah, KPM dapat menggalakkan minat murid untuk meneroka dan memahami konsep sains secara mendalam. Ini akan membantu mencipta generasi pelajar yang berpengetahuan, kreatif, dan berdaya saing, sesuai dengan keperluan masa depan negara. Oleh itu, penting bagi KPM untuk terus memperbaiki pendekatan pengajaran dan pembelajaran Fizik, serta menyediakan sumber yang mencukupi bagi guru dan murid. Dengan cara ini, KPM akan membantu memastikan bahawa pendidikan negara akan terus berkembang dan melahirkan generasi pelajar yang berkualiti dan berdaya

Dalam era yang berubah dengan cepat ini, perkembangan teknologi adalah seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Oleh itu, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) menjadi semakin penting dan harus diberi penekanan dalam semua aspek pendidikan. Menurut Rowen Tingang Musa et al. (2021), ini menunjukkan kepentingan integrasi teknologi dalam pendidikan. Norfaizah Md Kamary dan Mahizer Hamzah (2019), juga menyokong pendapat ini, menegaskan bahawa penggunaan teknologi harus menjadi sebahagian daripada aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah. Ini bermakna teknologi perlu digunakan secara kerap dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, sebagai bakal pendidik atau guru pelatih, adalah penting untuk menjadi peneraju dalam melaksanakan integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dengan menggunakan teknologi dengan



bijak, pendidik dapat meningkatkan kualiti pengajaran mereka dan memberi peluang yang lebih baik kepada pelajar untuk belajar dengan cara yang lebih berkesan dan menarik (Kamaluddin & Husnin, 2022).

Penting bagi guru pelatih untuk memahami dan menguasai asas-asas Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) agar dapat menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan kepada murid-murid di dalam bilik darjah. Menurut Mohd Idris dan Bee Piang (2022), bagi memastikan pelaksanaan PAK21 berjalan dengan lancar dan efektif, para guru Fizik perlu mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang kukuh mengenai konsep tersebut. Guru perlu mengambil tanggungjawab yang besar dalam memahami dan melaksanakan PAK21. Ini bertujuan untuk membentuk murid yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh dan kemahiran abad ke-21 yang penting seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah (Rowen Tingang Musa et al., 2021). Semua ini seiring dengan perkembangan teknologi dalam era digital masa kini. Dengan memahami PAK21 dan mengaplikasikannya dalam pengajaran Fizik, guru dapat membantu mempersiapkan murid untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih yakin dan berdaya saing (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2021). Ini juga akan memastikan bahawa pendidikan yang disampaikan relevan dan menyeluruh, memberi peluang terbaik kepada murid untuk berkembang dan berjaya dalam kehidupan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut kajian yang dijalankan oleh Rowen Tingang Musa et al. (2021), masih terdapat banyak guru pelatih yang menghadapi cabaran dalam mencapai tahap kesediaan yang memuaskan dari segi pengetahuan berkaitan objektif Pembelajaran



Abad Ke-21 (PAK21) yang sebenar. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam pemahaman mereka tentang objektif sebenar PAK21. Kekurangan ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kekurangan sumber pembelajaran yang sesuai, kurikulum yang tidak mencukupi, atau keperluan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan mereka dalam domain PAK21. Oleh itu, penting untuk menyediakan bantuan dan sokongan yang mencukupi kepada guru pelatih agar mereka dapat meningkatkan pemahaman dan kesediaan mereka dalam mengimplementasikan PAK21 secara berkesan dalam pengajaran mereka (Ramli & Saffen, 2022). Hal ini demikian kerana menurut satu kajian, menyatakan bahawa keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berasaskan PAK21 sangat bergantung kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam menyusun strategi pengajaran yang selaras dengan dasar pendidikan negara (Rajikal & Hamzah, 2020).

Ini bermakna guru perlu memahami dengan mendalam konsep dan objektif PAK21, serta mampu mengintegrasikan elemen-elemen PAK21 ke dalam corak pengajaran mereka. Selain itu, guru juga perlu sensitif terhadap keperluan dan kebolehan pelajar, serta mampu menggunakan kaedah dan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan konteks pembelajaran mereka. Kemahiran dan kesediaan guru dalam mengolah corak pengajaran yang berpaksikan PAK21 akan membantu memastikan bahawa pembelajaran yang berlaku relevan, bermakna, dan memupuk perkembangan holistik pelajar sesuai dengan matlamat pendidikan negara. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kesediaan guru dalam aspek ini adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan PdP yang berasaskan PAK21.

Proses pengajaran pada masa kini yang lebih kepada berpusatkan murid mempunyai jurang perbezaan yang sangat ketara jika ingin dibandingkan dengan



proses pendidikan abad lepas yang menggunakan kaedah tradisional (Nagaretnam & Mahmud, 2022). Pernyataan ini turut disokong oleh Mohd Idris dan Bee Piang (2022) di mana menurut mereka proses Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) lebih berpusatkan kepada murid manakala pembelajaran dan pengajaran tradisional atau konvensional lebih kepada berpusatkan guru di mana guru hanya menjadi fasilitator. Justeru itu, pelbagai aktiviti berpusatkan murid misalnya *cooperative learning* dan *think pair share* dilaksanakan bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam bilik darjah lebih menarik serta mampu menarik minat murid (Ajmain @ Jima'ain et al., 2019). Oleh hal yang demikian, kesediaan dan motivasi guru amat ditagih dalam menjalankan pelbagai aktiviti PAK21 untuk mencungkil elemen 4K dalam diri murid iaitu kolaboratif, kreativiti, komunikasi dan pemikiran kritis (Rohani Seman & Amani Dahaman, 2019). Pernyataan ini turut disokong oleh Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizah Zulkifli (2021), iaitu seorang guru yang mempunyai sikap kreatif dalam pelaksanaan PAK21 dapat mencungkil lagi kemahiran 4C dalam diri murid iaitu *Communication, Collaborative, Creativity and Critical Thinking*.

Menurut Tahim Bael et al. (2021), para guru mempunyai tanggungjawab yang berat dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) bagi merealisasikan matlamat PAK21 di mana untuk melahirkan murid yang berupaya menjadi generasi yang seimbang dari segala aspek. Oleh hal yang demikian, guru pelatih perlu lebih bersedia dan mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pelaksanaan PAK21 untuk melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan juga secara kritis. Melalui penggunaan teknologi, ia merupakan cara terbaik terhadap pelaksanaan PAK21 agar pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan mudah difahami oleh semua murid (Hidayati, Andayani & Junaidi, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana, kemahiran guru



dalam penggunaan teknologi semasa proses pengajaran membolehkan pembelajaran lebih berkesan bagi para murid seterusnya dapat membantu mereka dalam penerokaan pelbagai sumber ilmu terutama dengan menggunakan teknologi seperti internet (Hidayat, Junaidi & Yakob, 2020). Justeru itu, perkara sebegini secara tidak langsung dapat mencungkil potensi murid dalam kemahiran berkomunikasi murid dan juga pembelajaran sepanjang hayat. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Rusdiana, Suryana, Hidayat dan Abdul Muin (2020), ada menyatakan dalam kajian mereka iaitu pembelajaran menggunakan teknologi dapat meningkatkan minat murid dalam proses pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah pengajaran '*chalk and talk*' yang melibatkan komunikasi satu hala sudah kurang berkesan dan tidak relevan bagi memenuhi keperluan murid pada abad ke-21 ini (Ameliana Geruka, Anuar Ahmad & M. Khalid M. Nasir, 2021).

Motivasi guru pelatih juga perlu seiring dengan tahap kesediaan mereka bagi merealisasikan hasrat Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Guru pelatih akan menghadapi pelbagai cabaran semasa proses pengajaran mereka yang boleh memberi kesan kepada tahap motivasi mereka (Ab Halim, Ali & Wan Muda, 2021). Cabaran ini mungkin termasuk pelbagai faktor seperti keperluan untuk menguruskan kelas yang besar, menyesuaikan pengajaran kepada pelbagai gaya pembelajaran murid, atau mencari kaedah yang sesuai untuk menangani masalah disiplin. Cabaran ini boleh mempengaruhi motivasi guru pelatih kerana mereka mungkin merasa tertekan atau kehilangan keyakinan dalam kemampuan mereka untuk memberi pengaruh yang positif kepada pelajar. Oleh itu, penting bagi guru pelatih untuk mengenal pasti cabaran-cabaran ini dan mencari strategi yang sesuai untuk meningkatkan atau mengekalkan motivasi mereka dalam proses pengajaran (Mahat et al., 2022). Oleh hal

yang demikian, guru pelatih perlu mempunyai tahap motivasi yang tinggi sebelum menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar. Menurut satu kajian di mana mereka menyatakan bahawa motivasi intrinsik, altruistik dan ekstrinsik seorang guru pelatih merupakan aspek yang sangat penting sebagai persediaan menjadi guru sebelum melangkah ke latihan mengajar kelak (Ab Halim et al., 2021). Oleh itu, para guru pelatih perlu meningkatkan motivasi mereka sebelum dan semasa melakukan latihan mengajar agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi tekanan dan bebanan kerja. Justeru, menurut Boset dan Asmawi (2020), guru yang bermotivasi dan bersedia akan lebih berkeyakinan dan cenderung untuk menerima tugas yang telah diberikan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif utama iaitu:

- a) Mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).
- b) Mengenalpasti tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).
- c) Mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

1.5 Persoalan Kajian

- a) Apakah tahap kesediaan guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)?


- b) Apakah tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)?
- c) Apakah hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul (H_{01}) yang hendak diuji adalah:

1. Tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih Fizik terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual

1.8 Kepentingan Kajian

Harapannya adalah kajian ini akan memberikan faedah kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terdapat beberapa agensi yang akan mendapat kepentingan dan manfaat daripada hasil kajian ini mengenai tahap kesediaan dan motivasi guru pelatih Fizik dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

1.8.1 Kepentingan Kepada Pihak Universiti

Pihak universiti boleh menggunakan hasil dapatan pengkaji bagi mengenal pasti tindakan yang perlu diambil untuk meningkatkan kualiti pengajaran dalam bidang pendidikan supaya dalam melahirkan bakal pendidik yang bermutu tinggi.

1.8.2 Kepentingan Kepada Agensi Kerajaan

Hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, diharapkan agar agensi kerajaan dapat menjadikan dapatan pengkaji sebagai rujukan dan panduan bagi menyusun atur semula pedagogi pendidikan abad kini yang lebih berpusatkan murid di mana guru hanya bertindak sebagai fasilitator.

1.8.3 Kepentingan Kepada Guru Pelatih

Diharapkan kajian ini dapat memberi faedah kepada guru pelatih yang bakal menjadi guru sebenar mengenai pelaksanaan PAK21 dalam pengajaran Fizik terutamanya bagi membendung isu kurang minat dalam kalangan murid dalam pengambilan aliran sains tulen.

1.9 Batasan Kajian

Pengkaji hanya mengkaji aspek-aspek yang lebih khusus dengan mematuhi segala pembatasan kajian agar hasil dapatan kajian akan lebih tepat. Kajian ini terbatas kepada mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Fizik) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Data dalam kajian ini dikumpul menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik secara atas talian (*Google Form*) untuk menentukan tahap kesediaan dan tahap motivasi mereka. Ujian korelasi *Spearman's Rho* akan digunakan untuk mengkaji hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih terhadap pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).

1.10 Definisi Operasional

Penyelidikan ini memerlukan beberapa istilah yang mampu menjelaskan dan sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

1.10.1 Tahap Kesediaan

Dalam konteks kajian ini, "kesediaan" merujuk kepada keadaan di mana guru pelatih Fizik bersedia secara mental, fizikal, dan emosional untuk melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran mereka. Ini melibatkan kombinasi tiga sifat iaitu sedia, kerelaan, dan bersedia seperti yang ditakrifkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Seorang guru pelatih yang bersedia untuk melaksanakan PAK21 akan mempunyai keinginan dan kemahiran yang diperlukan, serta sanggup untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan pendekatan pengajaran mereka relevan dengan keperluan semasa dalam pendidikan.

1.10.2 Tahap Motivasi

Dalam konteks kajian ini, "motivasi" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) merujuk kepada semangat yang kuat yang mendorong seorang guru pelatih untuk melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran Fizik. Ini melibatkan keinginan yang mendalam untuk mencapai kejayaan dalam mengaplikasikan pendekatan PAK21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru pelatih yang mempunyai motivasi yang tinggi akan mempunyai semangat yang kuat untuk terus belajar, berkembang, dan mengaplikasikan kaedah dan strategi baru yang relevan dengan keperluan semasa dalam bidang pendidikan.

1.10.3 Hubungan Tahap Kesediaan dan Tahap Motivasi

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), "hubungan" merujuk kepada kesinambungan atau rangkaian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sejauh mana kesinambungan atau kaitan antara tahap kesediaan dan motivasi guru pelatih Fizik dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Ini bermakna pengkaji ingin melihat sejauh mana tahap kesediaan guru pelatih untuk mengaplikasikan PAK21 berkait rapat dengan tingkat motivasi mereka untuk melaksanakan pendekatan tersebut dalam pengajaran Fizik. Dengan memahami hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini, pengkaji dapat mengetahui impak dan kepentingan motivasi terhadap kesediaan guru pelatih dalam menyampaikan pembelajaran yang relevan dengan keperluan semasa.

1.11 Rumusan Bab

Kajian ini mengkaji korelasi hubungan antara tahap kesediaan dan tahap motivasi guru pelatih dalam mengimplementasikan pendekatan PAK21 dalam pengajaran Fizik. Kajian ini bertujuan untuk memahami sejauh mana kesediaan guru pelatih dalam memahami objektif PAK21 serta tahap motivasi mereka, dan bagaimana pembolehubah ini berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Fizik. Melalui kajian ini, amat diharapkan dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pembolehubah ini saling mempengaruhi dalam konteks pembelajaran Fizik di kalangan guru pelatih. Ini penting untuk memberi panduan dalam usaha meningkatkan keberkesanan PAK21 dalam pendidikan Fizik serta memberi sokongan yang sesuai kepada guru pelatih dalam memenuhi tuntutan pendidikan semasa.